

07 JAN 2002

Mahathir-Kreativiti/I

RAKYAT M'SIA HARUS YAKIN MEREKA KREATIF

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia harus mempunyai keyakinan yang mereka juga boleh muncul dengan idea-idea kreatif.

"Kita perlu mencungkil kreativiti yang ada pada kita dan memerlukan pengajar yang baik untuk mengenal pasti kreativiti yang ada," katanya dalam ucapan beliau di pelancaran buku `Wing of Creativity' di sini, hari ini.

"Idea-idea kreatif boleh membantu dalam menangani sesuatu masalah dalam pelbagai cara," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam mencungkil kreativiti yang terpendam, komunikasi adalah penting kerana ia adalah kemahiran yang diperlukan oleh semua.

Perdana Menteri berkata beliau percaya setiap orang daripada rakyat negara ini mempunyai kreativiti masing-masing dan boleh digunakan untuk tujuan yang berfaedah.

Beliau berbangga kerana ramai rakyat Malaysia mempunyai kreativiti yang tinggi seperti Tan Sri Lim Kok Wing sendiri yang dapat membantu mengembangkan pelbagai idea.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Lim Kok Wing, kreativiti dan pengetahuannya banyak membantu negara," kata beliau.

Buku `Wings of Creativity', sebuah buku kulit tebal dengan 340-muka surat menjejaki sejarah layang-layang buatan masyarakat Cina, hinggalah burung-burung eksotik, helikopter dan Boeing 747.

Buku itu juga menampilkan kajian indentiti korporat, rekabentuk, kempen awam, penjenamaan produk dan hubungan antarabangsa strategik. Ia dijual pada harga RM250 dan boleh didapati kedai-kedai buku utama di seluruh Malaysia.

-- BERNAMA

MUN RZS NZ PR